



INOVASI...Dr Edi Suhaimi (kiri) dan Prof Madya Mohd Zin menunjukkan kepingan buluh rata yang dihasilkan menerusi V-Grooving.

Rata buluh

Penyelidik UPM cari jalan atasi kekurangan kayu

>>Oleh Intan Mas Ayu Shahimi

imas@hmetro.com.my

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) membangunkan satu lagi produk inovasi terbaru dinamakan 'Kaedah dan Alatan V-Grooving' yang berupaya merubah silinder buluh kepada kepingan rata, sekali gus menggantikan fungsi kayu serta penggunaan papan dalam pelbagai sektor berkaitan.

Teknologi yang dibangunkan selama tiga tahun itu hasil perkongsian idea empat penyelidik Fakulti Perhutanan UPM iaitu Prof Madya Dr Edi Suhaimi Bakar, Prof Madya Dr Zaidon As-

haari, Prof Madya Mohd Zin Jusoh dan Dzafarin Saharani.

Menurut Dr Edi Suhaimi, idea penciptaan Kaedah dan Alatan V-Grooving itu timbul selepas meneliti masalah penurunan bekalan kayu yang menjejaskan industri perkayuan Malaysia.

"Memandangkan kayu hutan memerlukan tempoh 60 hingga 100 tahun untuk dituai, jadi kami berpendapat buluh mampu menjadi bahan alternatif," katanya pada Majlis Sidang Media Putra Cipta Siri 7/2012 di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Dr Mohd Saleh Jaafar dan De-

kan Fakulti Perhutanan, Prof Datin Dr Faridah Hanum Ibrahim.

Menjelas lanjut, Dr Edi Suhaimi berkata, V-Grooving adalah kaedah dan alatan baru yang cekap serta praktikal untuk merubah batang buluh berbentuk silinder kepada kepingan rata.

"Kepingan yang terhasil bukan saja berguna untuk pembuatan papan buluh laminasi (PBL), malah berupaya mengurangkan kos pengeluaran.

"Lebih penting, teknologi ini hanya membabitkan penggunaan mesin ringkas yang boleh dikendalikan operator separa mahir serta golongan usahawan kecil dan sederhana," katanya.